

Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Tarekat di Negeri Sembilan

BITARA

Volume 2, Issue 2, 2019: 029-036
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Levels of Community's Knowledge on Tarekat in Negeri Sembilan]

Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinain Badaruddin¹

Abstrak

Tarekat merupakan satu institusi yang berasaskan ilmu tasawuf. Negeri Sembilan dilihat sebuah negeri yang terhadapan mengenai institusi tarekat. Perkembangan positif institusi tarekat yang ditunjukkan di negeri tersebut disebabkan beberapa faktor, antaranya peranan pihak berautoriti iaitu Jabatan Mufti Negeri Sembilan dalam menjaga dan melindungi institusi ini serta tanggungjawab kumpulan tarekat itu sendiri dalam memelihara institusi tarekat. Hal ini kerana respons yang ditunjukkan terhadap beberapa isu mengenai institusi ini sehingga institusi tarekat dianggap sesat dan menyeleweng. Justeru, kajian ini adalah untuk melihat tahap sebenar pengetahuan masyarakat terhadap tarekat. Kajian ini juga mampu menjawab kepada persoalan berbentuk pengetahuan umum masyarakat mengenai tarekat hasil daripada perkembangan yang telah ditunjukkan di Negeri Sembilan. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kuantitatif secara numeric melalui bantuan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Negeri Sembilan telah pun dipilih sebagai lokasi kajian berdasarkan perkembangan tarekat di negeri tersebut. Soal selidik dirangka bagi mencari tahap sebenar pengetahuan masyarakat Islam di Negeri Sembilan terhadap tarekat. Seramai 384 orang responden yang terdiri daripada pelbagai umur dan jantina dianalisis datanya. Hasil kajian mendapatkan bahawa masyarakat Negeri Sembilan mempunyai aras pengetahuan Tarekat yang tinggi dengan capaian min sebanyak 4.05. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam Negeri Sembilan mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai institusi tarekat.

Kata Kunci

Institusi tarekat, masyarakat Negeri Sembilan

Abstract

Tarekat is a Sufism-based organization. Negeri Sembilan is seen as a state centred on tarekat institutions. The successful development of the tarekat institution demonstrated in the state is due to a variety of factors, including the role of the Negeri Sembilan Mufti Department in safeguarding the institution and the duty of the tarekat body itself to protect the institution. This is because of the answer to a variety of issues relating to this system that causes the structure of the system is considered deviant. The purpose of this study is, therefore, to look at the exact level of a group's knowledge. This research also addresses the issue of the general public's understanding of the laws as a result of changes in Negeri Sembilan. This research was conducted in a numerical manner of quantitative approach with the aid of the Social Sciences Statistical Kit (SPSS). Negeri Sembilan was chosen as the location of the study based on the growth of tarekat in the state. The questionnaire was planned to assess the accurate level of knowledge of the Muslim community in Negeri Sembilan on the tarekat. A total of 384 respondents of various ages and genders were analyzed. The findings

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Faudzinain Badaruddin, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: fnaim@ukm.edu.my

showed that the people of Negeri Sembilan have a strong knowledge-based of Tarekat with a mean score of 4.05. This shows that the Muslim community of Negeri Sembilan has a clear knowledge of the tarekat institution.

Keywords

Tarekat institution, the people of Negeri Sembilan

Cite This Article:

Muhammad Asyraf Mohd Azlin & Faudzinain Badaruddin. 2019. Tahap pengetahuan masyarakat terhadap tarekat di Negeri Sembilan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 029-036.

Pengenalan

Ilmu tasawuf telah di institusikan dalam bentuk pengajaran tarekat seawal pada abad ketiga yang bertujuan membina ketakwaan dalam diri manusia, walaupun hakikatnya telah wujud sejak zaman awal Islam sebagai salah satu wadah menghayati ajaran Islam (Faudzinain, 2016). Seperti mana rintangan dan cabaran perkembangan ilmu-ilmu yang lain, ilmu tasawuf turut mengalami fasa mundur dan maju dalam perkembangannya disebabkan beberapa faktor yang tertentu seperti tentangan, persepsi dan reaksi yang diberikan oleh pelbagai golongan. Begitu juga dengan institusi tarekat yang menyebarkan ilmu tasawuf turut mengalami perkara yang sama.

Tarekat dan tasawuf merupakan dua perkataan yang berlainan maksud. Sayid Abu Hassan Ali al-Nadwi menyatakan bahawa ilmu tasawuf lebih sesuai dinamakan ilmu “*Ihsan*” atau “*Tazkiyah*” atau “*Fiqhul Batin*” disebabkan kepentingannya dalam mendidik dan menyucikan jiwa serta berkepentingan menyeru kepada kesempurnaan iman, berakhhlak tinggi dan berusaha mengikut nabi dari sifat batiniah (al-Nadwi, 1987:4). Oleh itu, dalam mempelajari ilmu tasawuf terdapat perbincangan terhadap beberapa teori dan istilah tasawuf yang diguna pakai untuk mewakili maksud ataupun penghayatan sesuatu perkara dalam mengharungi perjalanan penyucian hati tersebut.

Tarekat dari sudut bahasa diambil daripada perkataan Arab iaitu *al-tariq* dan jama`nya ialah *tara`iq* dan *turuq* yang membawa kepada banyak maksud mengikut wazan tertentu. Antara maksud *turuq* ialah jalan, cara, garis, keyakinan, agama dan kedudukan (Fuad Said, 1991: 8; Sulaiman Ibrahim, 2002: 125). Perkataan tarekat juga diambil dalam bahasa arab iaitu *al-tariqah*. Maksud dari sudut bahasa ini mendorong kepada pembawaan istilah umum yang menunjukkan erti jalan ialah satu jalan menuju kepada Allah dengan berlandaskan ilmu tauhid, fekah dan Tasawuf (Fuad Said, 1991: 12-13). Maksud ini dengan erti kata lain ialah jalan agama Allah iaitu Islam. Walau bagaimanapun, pentakrifan dari sudut istilah ini mempunyai definisi yang berbeza di antara ulama-ulama sufi dan para pengkaji tasawuf.

Dari sudut khusus dalam istilah tarekat, ia boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengertian dari sudut zahir dan batin. Secara zahirnya ilmu tarekat ini menurut Abu ‘Ula al-‘Afifi (1963): “Tatacara yang khusus atau himpunan adab dan ajaran yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan sufi”. Maksud yang diberikan tersebut menggambarkan bahawa tarekat itu merupakan satu kumpulan ataupun organisasi yang mengamalkan ilmu tasawuf. Dari sudut istilah batinnya adalah seperti yang diberikan oleh Shaykh ‘Abd al-Razzaq al-Qashani (1991): “*al-tariqah* ialah

al-sirah (jalan) yang khusus bagi *al-salikin* (orang-orang yang berjalan) menuju Allah merentangi berbagai rintangan dan melalui peningkatan berbagai *al-maqamat*". Pengertian ini juga tidak jauh beza dengan Shaykh Najm al-Din Kubra. Justeru, Ensiklopedi Tasawuf (A.Aziz Masyhuri: 2008) mendefinisikan tarekat sebagai jalan atau metod atau aliran untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan tujuan makrifat Allah.

Berdasarkan definisi yang diberikan ini, menunjukkan terdapat persamaan di antara satu sama lain dalam merujuk kepada erti tarekat merupakan suatu jalan ataupun kaedah yang dijalani khusus oleh golongan *salik* menuju Allah. Gambaran definisi ini juga menunjukkan bahawa cara ataupun kaedah itu mempunyai disiplin dan prinsip tersendiri yang merangkumkan berbagai-bagi kegiatan. Maka di dalam tarekat terdapat tiga unsur penting iaitu syeikh, mursyid serta murid dan kaifiyat ataupun kaedah. Perkara asas ini merupakan satu pengetahuan asas yang mengambarkan bahawa sesuatu institusi itu adalah institusi tarekat.

Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan

Kemasukan tarekat di Malaysia telah membawa satu dimensi kekuatan spiritual di kalangan masyarakat melayu terdahulu seiring dengan kemasukan Islam ke Malaysia. Faizal Harun (2015) menyatakan bahawa perkembangan tarekat tasawuf di Malaysia melalui tiga fasa iaitu zaman kerajaan awal Islam dan ketika penjajahan, zaman selepas kemerdekaan tanah melayu, dan zaman era globalisasi. Walau bagaimanapun, perkembangan tarekat tidak serata ke seluruh negeri dalam Malaysia kerana bergantung kepada beberapa faktor yang tertentu dalam mempengaruhi perkembangannya.

Negeri Sembilan merupakan negeri yang terhadapan dalam perkembangan tarekat. Perkembangan tarekat di setiap negeri merupakan respons kepada masalah dan tantangan yang dihadapi oleh negeri tersebut. Menurut al-Tusi (t.th.), beberapa faktor yang mempengaruhi penyelewengan dan salah faham terhadap tarekat adalah:

- a. Kejahilan masyarakat terhadap agama lebih-lebih lagi dalam bidang tasawuf serta kurangnya keyakinan dan keimanan terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Perkara ini turut terjadi di Malaysia yang mana terdapat ahli tarekat yang kurang asas syariatnya mengatakan bahawa solat cukup dengan niat dan tidak perlu kepada perbuatan.
- b. Sikap orang Islam tidak mahu menerima dan mengakui tasawuf sebagai satu bidang penting dalam Islam terutamanya para cerdik pandai Islam dan intelek.
- c. Keghairahan segelintir masyarakat Islam untuk mengetahui rahsia alam ghaib atau terlalu ghairah untuk mendapat rahsia alam ghaib.
- d. Perkara yang luar biasa ataupun kerahmatan dianggap merupakan salah satu faktor yang membuka kepada penyelewengan dan penyesatan kerana tidak memahami secara jelas berkenaan hakikat keramat dan kedudukan keramat itu sendiri yang merupakan sesuatu yang tidak penting dalam tasawuf.
- e. Kelemahan penguatkuasaan dalam menangani gejala ajaran sesat terutamanya pelampau tarekat.

Perkembangan positif tarekat di Negeri Sembilan adalah respons kepada isu-isu yang timbul berkaitan tarekat seperti persepsi negatif masyarakat terhadap tarekat, salah faham masyarakat terhadap tarekat, isu-isu pengamalan yang bertentangan dengan syarak, tarekat yang menyeleweng dan lain-lain lagi. Sumber Jabatan Mufti Negeri Sembilan di dalam webnya menyatakan apabila berlakunya perkara salah faham dan penyelewengan ini menyebabkan kesan kepada Islam dan tarekat yang akhirnya membawa kepada beberapa kesan seperti mengenakan tindakan undang-undang, istilah tasawuf disalah erti, silibus tasawuf dimansuhkan, bahan bacaan penerbitan tarekat tasawuf berkurangan, Islam dianggap jumud dan lain-lain lagi (Syaiful Nizam, t.th). Keprihatinan Jabatan Mufti Negeri Sembilan terhadap isu-isu tarekat menyebabkan negeri ini dilihat terhadapan dengan beberapa langkah diambil seperti menggubal kuasa enakmen berkaitan tarekat serta penubuhan jawatankuasa khas *turuq jilsiyah sufiiyah* bagi memantau tarekat. Perundangan yang diwujudkan ini sedikit sebanyak telahpun membantu masyarakat memahami tarekat dan mengelakkan salah faham yang berkaitan tarekat serta mampu mampu mengawal tarekat yang menyeleweng daripada syarak. Perkembangan ini semestinya sedikit sebanyak mempengaruhi pengetahuan am masyarakat mengenai tarekat di negeri tersebut. Penambahan tarekat yang berdaftar juga berkemungkinan turut mempengaruhi tahap pengetahuan masyarakat sekitar terhadap tarekat itu sendiri.

Ketokohan mufti serta beberapa ulama sufi dan kekuatan tarekat di Negeri Sembilan juga di antara faktor yang mempengaruhi perkembangan tarekat di Negeri Sembilan. Jabatan Mufti Negeri Sembilan serta kumpulan tarekat yang berdaftar di bawah Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah menjalankan beberapa usaha seperti mengadakan seminar di pelbagai peringkat, menyediakan bahan bacaan berkaitan akidah, fiqh dan tasawuf, menggembungkan tenaga pakar dalam pelbagai bidang ilmu Islam, mengetengahkan tokoh sufi silam dan semasa dan merangka undang-undang yang bertujuan mengiktiraf, membela, memantau, memurnikan tarekat yang beramat di Negeri Sembilan (Syaiful Nizam, t.th). Selain, banyaknya kumpulan tarekat diiktiraf oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan, langkah awal JMNS serta ketokohan mufti Negeri Sembilan yang kesemuanya merupakan mursyid tarekat menjadikan Negeri Sembilan dilihat sebuah negeri yang dianggap negeri tarekat. Walau bagaimanapun, tahap sebenar ilmu pengetahuan masyarakat belum dapat dibuktikan melalui mana-mana kajian bagi menilai tahap pengetahuan masyarakat di atas faktor perkembangan tarekat yang dilihat semakin berkembang positif di Negeri Sembilan.

Metodologi

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan berbentuk tinjauan iaitu menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan dan di analisis menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah tinjauan dan pengumpulan data adalah antara kaedah yang baik digunakan kerana mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan (Kerlinger, 1973). Penggunaan soal selidik membantu mendapatkan data terkini dan fleksibel yang membolehkan data tersebut digunakan terus untuk masalah yang dikaji dan memberi ruang responden untuk berfikir sebelum menjawab soalan (Cooper & Schindler, 2013).

Soal selidik ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Kedudukan lima skala Likert iaitu skor 1 (Sangat Tidak Setuju) manakala 5 (Sangat Setuju)

digunakan dalam kajian ini. Semua soalan dinilai menggunakan skala Likert. Berdasarkan pembahagian skala, tahap perspektif responden dikategorii sebagai rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Penentuan Tahap Perspektif

Skala Min	Tahap Perspektif
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Tahap penentuan perspektif responden adalah berdasarkan kepada skor perbezaan data skor tertinggi dan paling rendah yang juga dibahagikan kepada 3 peringkat. Berdasarkan yang tersebut, penentuan tahap ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di atas.

Kajian ini telah memilih seramai 384 orang sebagai responden dan diwakili oleh setiap daerah di Negeri Sembilan secara rawak. Kaedah ini digunakan adalah bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et. al, 1996). Dalam pemilihan jumlah sampel bagi kajian ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapatkan jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan menjawab soalan kepada objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat terhadap tarekat. Terdapat 10 item soalan telah dibentuk bagi mengkaji tahap pengetahuan masyarakat terhadap tarekat. Jadual 2 memaparkan analisis peratusan, kekerapan dan nilai min. Berdasarkan jadual 2 didapati bahawa purata kesemua item mencapai tahap tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan pada min = 4.05.

Jadual 2 menunjukkan tiga item soalan mendapat paling tertinggi (min= 4.22) iaitu pada soalan “Tarekat mengajar pengamalnya berzikir dengan tujuan membersihkan hati dan mengingati Allah”, “Tarekat mendidik ahlinya untuk berakhhlak baik” dan Tarekat ialah satu organisasi kerohanian yang menyucikan hati bagi mengingati Allah”. Walau bagaimanapun, skor min bagi soalan yang lain ialah “Saya mengetahui bahawa Tarekat mempunyai banyak kumpulan” (min=4.10), “Saya mengetahui Tarekat sebahagian daripada ilmu tasawwuf” (min=4.07), “Saya mengetahui Tarekat mengamalkan ajaran Tasawwuf” (min=4.03), “Saya mengetahui kewujudan institusi Tarekat di Negeri Sembilan” (min=4.01), Saya mengetahui Tarekat tidak menyeleweng daripada agama (min=3.96), Saya mengetahui ada Tarekat yang sesat (min=3.86).

Dari sudut peratusan, kesemua item mencatatkan peratusan tertinggi pada skala “sangat setuju”. Item yang paling tinggi peratusan sangat setuju adalah pada item “Tarekat mengajar pegamalnya berzikir dengan tujuan membersihkan hati dan mengingati Allah” dan “Tarekat ialah satu organisasi kerohanian yang menyucikan hati bagi mengingati Allah” sebanyak 46.1%. Manakala item yang berikutnya “saya mengetahui bahawa Tarekat mempunyai banyak kumpulan” sebanyak 45.3%, “Tarekat mendidik ahlinya untuk berakhhlak baik” (45.1%), “saya

mengetahui Tarekat sebahagian daripada ilmu tasawwuf” (42.7%), “saya mengetahui kewujudan institusi Tarekat di Negeri Sembilan” (41.9%), “saya mengetahui Tarekat mengamalkan ajaran Tasawuf” (40.6%), “saya mengetahui ada Tarekat yang sesat” (39.6%), “saya mengetahui Tarekat tidak menyeleweng daripada agama” (38.8%) dan “saya yakin disiplin ilmu Tarekat wujud sejak pada zaman Rasulullah” (35.4%).

Jadual 2 Pengetahuan Mengenai Tarekat

No	Item	STS	KKB	KS	S	SS	MIN
B1.	Saya mengetahui kewujudan institusi Tarekat di Negeri Sembilan.	4.4% (17)	6.8% (26)	13.8% (53)	33.1% (127)	41.9% (161)	4.01
B2.	Saya mengetahui Tarekat sebahagian daripada ilmu tasawwuf	4.4% (17)	5.7% (22)	10.4% (40)	36.7% (141)	42.7% (164)	4.07
B3.	Saya mengetahui Tarekat mengamalkan ajaran Tasawuf	4.4% (17)	5.5% (21)	13.3% (51)	36.2% (139)	40.6% (156)	4.03
B4.	Saya mengetahui bahawa Tarekat mempunyai banyak kumpulan	4.7% (18)	5.7% (22)	8.9% (34)	35.4% (136)	45.3% (174)	4.10
B5.	Saya yakin disiplin ilmu Tarekat wujud sejak pada zaman Rasulullah.	6.5% (25)	7.0% (27)	20.1% (77)	31.0% (119)	35.4% (136)	3.81
B6.	Tarekat mengajar pengamalnya berzikir dengan tujuan membersihkan hati dan mengingati Allah.	2.6% (10)	2.6% (10)	10.9% (42)	37.8% (145)	46.1% (177)	4.22
B7.	Saya mengetahui Tarekat tidak menyeleweng daripada agama	5.5% (21)	4.4% (17)	17.2% (66)	34.1% (131)	38.8% (149)	3.96
B8.	Tarekat mendidik ahlinya untuk berakhhlak baik	2.6% (10)	2.3% (9)	10.4% (40)	39.6% (152)	45.1% (173)	4.22
B9.	Tarekat ialah satu organisasi kerohanian yang menyucikan hati bagi mengingati Allah.	2.6% (10)	2.9% (11)	9.9% (38)	38.5% (148)	46.1% (177)	4.22
B10.	Saya mengetahui ada Tarekat yang sesat	9.9% (38)	4.4% (17)	14.6% (56)	31.5% (121)	39.6% (152)	3.86

Sumber : Soal Selidik (2018)

Berdasarkan analisis terhadap skor min yang dikemukakan di atas ini, menunjukkan masyarakat Islam di Negeri Sembilan mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkenaan pengetahuan secara umum mengenai Tarekat termasuklah kewujudan Tarekat di Negeri Sembilan. Peratusan orang yang mengetahui tentang kewujudan tarekat di Negeri Sembilan lebih tinggi iaitu sebanyak 41.9% responden memilih untuk sangat setuju dan 33.1% untuk setuju. Ini membuktikan bahawa masyarakat Negeri Sembilan sememangnya sudah pun terdedah secara langsung mahupun tidak langsung seiring dengan kemajuan perkembangan Tarekat di Negeri Sembilan. Masyarakat Negeri Sembilan juga mencapai tahap pengetahuan

yang tinggi dalam membezakan disiplin ilmu tasawuf dan tarekat. Ini dapat dikaitkan dengan beberapa soalan yang diajukan dalam bahagian ini. Antara soalannya ialah “saya mengetahui Tarekat sebahagian daripada ilmu Tasawuf” dan “saya mengetahui Tarekat mengamalkan ajaran Tasawuf”. Perkara ini sangat bertepatan dengan fakta umum yang wajib diketahui dalam bidang tarekat tasawuf dalam mengenalinya secara zahir. Jahid Sidek (2010: 13) menyatakan bahawa *Tariqah* dilihat dari sudut perjalanan rohaniah sedangkan tasawwuf pula dipandang dari sudut pencapaian rohaniah setelah melalui pelbagai halangan dan mengharungi berbagai-bagi tingkatan dalam mujahadah di Jalan Allah. Tambahannya lagi, ilmu serta amalan dalam bermujahadah itu dipanggil tasawuf manakala jalannya pula dikenali sebagai *tariqah*.

Secara umumnya juga, masyarakat Negeri Sembilan mempunyai pengetahuan asas dalam mengenali Tarekat secara zahirnya. Hal ini dibuktikan melalui soalan yang berkait rapat dengan definisi tarekat iaitu pada soalan “Tarekat ialah satu organisasi kerohanian yang menyucikan hati bagi mengingati Allah” dengan memperolehi peratusan yang tertinggi pada sangat setuju (46.1%) dan setuju (38.5%) sebanyak 84.6%. Begitu juga dengan kenyataan “saya mengetahui bahawa Tarekat mempunyai banyak kumpulan” yang memperoleh keputusan majoriti memilih sangat setuju (45.3%) dan setuju (35.4%).

Masyarakat Negeri Sembilan turut mengetahui bahawa disiplin ilmu tarekat telah pun wujud sejak zaman Rasulullah apabila sebanyak 35.6% memilih sangat setuju manakala 31% memilih setuju. Walau bagaimanapun, disiplin ilmu Tarekat pada zaman Rasulullah tidaklah tersusun seperti mana sekarang akan tetapi cara dan pemaksannya telah pun wujud pada zaman Rasulullah yang bertujuan untuk mendidik akhlak dan kerohanian para sahabat. Ini sangat bertepatan dengan definisi yang diberikan al-Jurjani (1985) yang mengatakan bahawa tarekat ialah perjalanan khusus bagi orang yang menuju kepada Allah dengan mengharungi pelbagai rintangan dan peningkatan rohani. Pengamalan tarekat yang secara zahirnya memfokuskan kepada zikir bagi tujuan penyucian hati serta mendidik menjadi berakhlek baik telah pun diketahui oleh masyarakat Negeri Sembilan. Perkara ini dibuktikan apabila sebanyak 46.1% responden sangat setuju dan 37.8% setuju menyatakan bahawa “Tarekat mengajar pengamalnya berzikir dengan tujuan membersihkan hati dan mengingati Allah”. Selain itu, sebanyak 45.1% sangat setuju dan 39.6% setuju kenyataan “Tarekat mendidik ahlinya untuk berakhlek baik”.

Masyarakat Negeri Sembilan juga bukan sekadar mengetahui bahawa tarekat tidak menyeleweng daripada agama bahkan mengetahui terdapat Tarekat yang sesat. Perkara ini dapat dibuktikan pada kenyataan “saya mengetahui Tarekat tidak menyeleweng daripada agama” dengan sebanyak 38.8% menyatakan sangat setuju dan 34.1% setuju. Seterusnya, peratusan kepada kenyataan “saya mengetahui ada Tarekat yang sesat” memperolehi 39.6% pada sangat setuju dan 31.5% setuju. Hal ini jelas menggambarkan bahawa masyarakat Negeri Sembilan memahami beberapa perkara asas yang berkaitan Tarekat.

Kesimpulan

Tarekat merupakan satu institusi yang bertujuan menyucikan hati bagi mencapai makna mengenali Allah dengan merasai kewujudan-Nya. Walau bagaimanapun, tidak semua masyarakat memahami dan mengetahui kewujudannya, bahkan ada yang terus menilainya sebagai satu perkara yang negatif kerana pembawaannya yang bersifat eksklusif kepada ahlinya

tanpa dibuat secara terbuka. Justeru, kajian mengenai tahap pengetahuan masyarakat ini dibuat untuk menilai kedudukan ilmu pengetahuan masyarakat di Negeri Sembilan terhadap asas pengetahuan tarekat.

Hasil keseluruhan kajian menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat terhadap tarekat berada di tahap yang tinggi (min= 4.05) berdasarkan keseluruhan boleh ubah yang telah dirangka. Keputusan ini menggambarkan bahawa masyarakat Negeri Sembilan mempunyai pengetahuan asas yang baik mengenai Tarekat. Perkara ini selari dengan respons masyarakat mengenai pengetahuan kewujudan Tarekat di Negeri Sembilan. Faktor pengetahuan ilmu tasawuf dan Tarekat juga membantu mempengaruhi tahap pengetahuan masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa ilmu dan pengetahuan mengenai kewujudan Tarekat di negeri sendiri turut membantu responden dalam mengenali Tarekat secara zahir sekalipun tidak terlalu mendalam. Keputusan hasil kajian juga menunjukkan bahawa masyarakat turut memahami tujuan institusi Tarekat sekali gus masyarakat Negeri Sembilan memahami status institusi Tarekat yang sebenar dan mengetahui bahawa turut terdapat Tarekat yang sesat.

Rujukan

- A.Aziz Masyhuri. 2011. *Ensiklopedi 22 Tarekat dalam Tasawuf*. Surabaya: Imtiyaz.
- Afifi, Abu al-'Ula.1963. *Al-Tasawwuf: al-Tawrah al-Ruhyyah fi al-Islam*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Ary, D., Jacobs, L.C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to research in education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publisher.
- Cooper, D. R., & Schindler, P.S. 2003. *Business Research Methods*. 8th edition. USA: McGraw-Hill.
- Faudzinain Badaruddin. 2016. Sejarah asal usul silsilah tarekat tasawuf. *Prosiding Seminar Agama dan Pembangunan IX (SAAP 2016)*. Bangi: UKM.
- Fuad Said, H.A. 1991. *Hakikat Thariqat Naqsyabandiyah*. Ipoh: Pustaka Muda.
- Jahid Sidek. 2010. *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Selangor: al-Falah Publications Sdn. Bhd.
- al-Jurjani, Ali ibn Muhammad. 1985. *al-Ta'rifat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities, educational and psychological measurement*.
- Mohd Faizal Harun. 2015. *Tasawuf dan Tarekat Sejarah dan Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*. UUM: UUM PRESS.
- al-Nadwi, Sayid Abul Hassan Ali. 1987. *Ketuhanan bukan kerahiban: meluruskan pemahaman aliran tasawuf*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Qashani, 'Abd al-Razzaq. 1991. *Kitab Istalahat al-Sufiyyah*. Terjemahan Nabil Safwat. Sufi. Technical Terms. London: The Octagon Press Ltd.
- Sulaiman Ibrahim. 2002. *Turuq al-Sufiyyah fi Maliziya wa Assaruha 'ala Da'wah al-Islamiah*. Seremban: Dar al-Fatwa Negeri Sembilan.
- Syaiful Nizam. t.th. *Pengenalan Enakmen Tarekat Tasawwuf (Negeri Sembilan)*. <http://muftins.gov.my/index.php/arkib2/tareqat-tasauwuf/159-info-bahagian-tarekat-tasawuf/607-pengenalan-enakmen>.
- al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj. t.th. *al-Luma'*. Kaherah: Dar al-Tawfiqiyah.
- Uma Sekaran. 2003. *Research methods for business: A skill building approach*. 4th edition. United States of America: John Wiley & Sons, Inc:.